



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH



Gaya baharu E-Class.

> Ketahui lebih lanjut

Mercedes-Benz



Soal selidik tambah baik Aplikasi Mudah Alih Nasional

Oleh [Nas Norziela Nasbah](#) - September 17, 2021 @ 10:29am
bhnews@bh.com.my



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mempelawa orang ramai untuk menyertai soal selidik berkenaan penggunaan Aplikasi Mudah Alih Nasional di platform aplikasi itu bermula 15 September sehingga 6 Oktober ini.

SKMM dalam satu kenyataan hari ini, berkata soal selidik itu bertujuan mendapatkan

pandangan orang awam berhubung perkhidmatan digital yang perlu atau ingin digunakan menerusi platform aplikasi berkenaan.

"Soal selidik itu dikendalikan secara dalam talian bagi tempoh tiga minggu dengan objektif utama mengenal pasti keperluan rakyat merentasi pelbagai latar belakang dalam menyokong perancangan dan pembangunan Aplikasi Mudah Alih Nasional.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Bantu penduduk pedalaman beralih ke teknologi 4G](#)

• [JENDELA baru pembangunan](#)



TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 3m  [Penduduk Terengganu berkelah sempena peralihan Fasa 3 PPN](#)
- 8m  [Lensa baharu ekonomi berteras konsep Keluarga Malaysia](#)
- 9m  [Ringgit teruskan penyusutan](#)
- 13m  [Soal selidik tambah baik Aplikasi Mudah Alih Nasional](#)
- 17m  [Anak maut maut tercampak keluar kenderaan](#)
- 24m  [Agong, Permaisuri adakan lawatan khas ke United Kingdom mulai hari ini](#)
- 30m  [Dagangan Bursa Malaysia bermula positif](#)
- 48m  [Sabah benarkan pawagam dibuka mulai esok](#)

- JENDELA paku pembangunan ekonomi digital negara
- 8 juta B40 dapat manfaat RM1.5 bilion Program Jaringan Prihatin
- Pembelajaran secara mudah alih rapatkan jurang digital

"SKMM juga memperkenalkan konsep Aplikasi Mudah Alih Nasional dan senario potensi penggunaannya di negara ini selain mendapatkan pandangan serta input bagi potensi penggunaan aplikasi membabitkan sektor awam dan swasta," katanya.

Soal selidik itu turut menjadi platform untuk menilai tambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat yang perlu dipertingkatkan melalui Aplikasi Mudah Alih Nasional.



Kesemua maklum balas yang diterima melalui soal selidik itu akan diambil kira dalam pembangunan platform Aplikasi Mudah Alih Nasional yang sedang dirancang oleh kerajaan ketika ini.

"Cadangan pelaksanaan platform Aplikasi Mudah Alih Nasional itu dipersetujui secara prinsip oleh kerajaan menerusi Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri Keempat Negara (MED4IR) pada 22 April lalu.


"Aplikasi Mudah Alih Nasional adalah satu aplikasi mengakses pelbagai perkhidmatan digital.

"Platform ini menjadi pusat sehenti setempat yang membolehkan pengurusan keperluan pengguna diuruskan melalui sebuah aplikasi yang menawarkan kemudahan penggunaan, kepelbagaian fungsi, ciri dinamik menarik dan membolehkan pengguna merasai pengalaman digital lancar," katanya.

Aktiviti seperti mengakses perkhidmatan digital kerajaan, perkhidmatan swasta terpilih, pembayaran bil, saman trafik, pembaharuan lesen memandu dan cukai jalan, pendaftaran kelahiran serta perkahwinan dilaksanakan tanpa perlu berulang alik ke lokasi.

Bagi mereka yang ingin menyertai soal selidik, mereka boleh layari pautan <http://bit.ly/AppNasional> .

BERITA BERKAITAN



WAKSIN



WILAYAH Sep 16, 2021 @ 2:42pm
58.8 peratus populasi dewasa Pahang lengkap imunisasi



WILAYAH Sep 15, 2021 @ 9:33pm
Lebih 80 peratus penduduk dewasa Terengganu sudah divaksin



NASIONAL Sep 15, 2021 @ 7:43pm
Aktiviti sukan, rekreasi bersentuhan fizikal dibenarkan



NASIONAL Sep 15, 2021 @ 6:48pm
Vaksinasi remaja di Sabah bermula esok - Hajiji



NASIONAL Sep 15, 2021 @ 6:24pm